



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
i

**PENILAIAN KUALITI UJIAN SUMATIF YANG
DIBANGUNKAN GURU SEKOLAH MENENGAH
ATAS DI PALEMBANG INDONESIA**

EVY RATNA KARTIKA WATY



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH PENDIDIKAN
(PENGUKURAN PENDIDIKAN)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menilai ujian sumatif Ujian Akhir Sekolah (UAS) berbentuk aneka pilihan yang dibangunkan oleh guru sekolah menengah atas di Palembang berdasarkan kesahan, kebolehppercayaan, aras kesukaran, indeks diskriminasi, dan keberkesanan pengganggu. Kajian ini juga bertujuan menentukan sejauh mana hubungan antara kualiti ujian sumatif UAS dengan latarbelakang guru dalam membuat pentaksiran serta mengenalpasti apakah kekangan yang dihadapi guru dalam menyediakan dan mentadbir UAS. Subjek kajian meliputi 60 orang guru yang mengajar matapelajaran UAS yang dikaji, iaitu Pendidikan Agama, Pendidikan Kewarganegaraan dan Pendidikan Sejarah. Kajian berbentuk ex-post facto ini melibatkan analisis kertas jawapan pelajar daripada ujian sumatif UAS dan pentadbiran soal selidik guru. Respons setiap pelajar bagi setiap item dimasukkan dalam spreadsheet dan dianalisis menggunakan perisian Anates. Sejumlah 2400 kertas jawapan pelajar daripada 2400 pelajar telah dianalisis. Soal selidik guru digubal untuk mendapatkan maklumat berkaitan amalan pentaksiran guru, pendidikan tertinggi guru, pengalaman mengajar, kekerapan membuat ujian serta latihan kurikulum dan pentaksiran yang pernah diterima guru tiga tahun terakhir. Hubungkait faktor-faktor ini dengan kualiti ujian sumatif dianalisis dengan regresi berganda. Hasil penilaian menunjukkan bahawa 58 peratus guru dapat membina ujian sumatif dengan kesahan pada tahap yang sederhana dan baik dengan peratusan item valid yang boleh diterima, manakala 42 peratus lagi masih berada pada tahap rendah. Latarbelakang guru didapati menyumbang secara signifikan kepada kualiti ujian yang dihasilkan. Kajian ini memberi maklumat yang berguna bagi pembentukan suatu badan yang akan mengawal setia kualiti ujian semua di peringkat, sama ada peringkat sekolah, wilayah atau di peringkat nasional.



Kata Kunci : Kualiti, ujian sumatif, dibangunkan guru





AN EVALUATION OF THE QUALITY OF THE SUMMATIVE TEST DEVELOPED BY UPPER SECONDARY SCHOOL TEACHERS MADE TEST IN PALEMBANG INDONESIA

ABSTRACT

This study was aimed at evaluating the quality of the summative school test (UAS) in the multiple choice format developed by upper secondary school teachers in Palembang based on the validity, reliability, difficulty levels, discrimination indices and functionality of distracters. The study was also purported to determine the extent of the relationship between the quality of the summative test UAS and teachers' backgrounds in developing assessments and identify the constraints faced by teachers in preparing and administering the test. The subject of the study was 60 teachers teaching UAS subjects studied, namely Religious Studies, Citizenship Educations, and History Education. This ex-post facto study involved analysis of students' answers in the UAS summative test and administration of teacher questionnaires. Each student's responses for each item were keyed-in the spreadsheet and were analyzed using anates software. A number of 2400 students' answer sheets were analyzed. Teacher questionnaires were developed to obtain information about teacher assessment practice, teachers' highest education, years teaching, experience in developing assessment, as well as curriculum and assessment training attended. Relationships between these factors and the quality of the summative test were analyzed using multiple linear regressions. Results of the evaluation showed that 58 percent of the teachers were able to develop summative tests at moderate and good level of validity with acceptable percentage of valid items, while 42 percent were still at the low level. Teachers' backgrounds were found not to contribute significantly to the quality of tests developed. This provides useful information towards the establishment of a governing body that will monitor the quality of tests at levels; i.e. school, province and national levels.

Keywords: Quality, summative tests, teacher-developed



**KANDUNGAN**

	Halaman
TAJUK	i
PERAKUAN KEASLIAN	ii
PENGESAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah	7
1.3	Objektif Kajian	10
1.4	Soalan Kajian	11
1.5	Hipotesis Kajian	12
1.6	Kepentingan Kajian	13
1.7	Batasan Kajian	14
1.8	Definisi Operasi	15
1.9	Kerangka Konsep	18
1.10	Rumusan	22

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	23
2.2	Pengertian Ujian, Pengukuran dan Penilaian	25
2.2.1	Pengertian Ujian	25
2.2.2	Pengertian Pengukuran	28



2.2.3	Pengertian Penilaian	32
2.3	Jenis Ujian dan Penilaian	37
2.3.1	Ujian Formatif	40
2.3.2	Ujian Sumatif	45
2.3.3	Ujian Diagnostik	51
2.3.4	Ujian Selektif	54
2.4	Instrumen Penilaian Hasil Belajar	57
2.4.1	Instrumen Penilaian Ujian	58
2.4.1.1	Ciri Utama Ujian	59
2.4.1.2	Analisis Ujian Program Anates	65
2.4.2	Instrumen Penilaian Non-Ujian	70
2.4.2.1	Soal Selidik	70
2.4.2.2	Panduan Temu Bual	74
2.4.2.3	Analisis Dokumen	76
2.5	Penilaian Pencapaian	77
2.5.1	Penilaian Rujukan Norma	78
2.5.2	Penilaian Rujukan Kriteria	82
2.6	Hakikat Ujian	87
2.7	Ujian Yang Dibangunkan Guru	98
2.8	Fungsi dan Peranan Ujian	101
2.9	Penilaian dan Bentuk Ujian	109
2.10	Faktor Kemahiran Guru	112
2.11	Hasil Kajian Lepas	121
2.12	Rangka Berfikir	123
2.13	Rumusan	127

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	129
3.2	Reka Bentuk Kajian	130
3.3	Subjek Kajian	131
3.4	Pemboleh Ubah Kajian	133
3.4.1	Pemboleh Ubah Bersandar	134
3.4.2	Pemboleh Ubah Tidak Bersandar	136

3.5 Instrumen Kajian	137
3.5.1 Analisis Data Menggunakan Program Anates	138
3.5.2 Analisis Penilaian Non-Ujian	142
3.5.2.1 Soal Selidik	143
3.5.2.2 Panduan Temu Bual	146
3.5.2.3 Analisis Dokumen	149
3.5.3 Analisis Data Instrumen Kajian	150
3.6 Kajian Rintis	153
3.7 Prosedur Pengumpulan Data	155
3.7.1 Prosedur Pengolahan dan Analisis Data Anates	155
3.7.2 Prosedur Pengolahan Data Soal Selidik	159
3.8 Analisis Data	161
3.9 Analisis Kualiti Ujian Sumatif	163
3.10 Analisis Regresi Berganda	168
3.11 Ujian Andaian	170
3.12 Ujian Hipotesis	171
3.13 Rumusan	173

BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan	174
4.2 Latarbelakang Responden Kajian	174
4.3 Dapatan Kajian	177
4.3.1 Subjek Pendidikan Agama	178
4.3.2 Subjek Pendidikan Kewarganegaraan	195
4.3.3 Subjek Pendidikan Sejarah	211
4.4 Ujian Andaian	229
4.5 Dapatan Regresi Berganda	231
4.6 Dapatan Kekangan Guru Dalam Pembinaan Ujian	234
4.6.1 Pengalaman Guru Membuat Ujian	234
4.6.2 Kekangan Dalam Pembinaan Ujian	239
4.7 Perbincangan Hasil Kajian	247
4.7.1 Kualiti Ujian Sumatif yang dibangunkan Guru	247



4.7.2 Pengaruh Latarbelakang Guru	270
4.8 Rumusan	273

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	275
5.2 Rumusan Dapatan Kajian	275
5.3 Implikasi Kajian Dan Cadangan	279
5.4 Cadangan Kajian Selanjutnya	287
5.5 Rumusan	288

RUJUKAN	290
----------------	-----

LAMPIRAN

Lampiran A

Lampiran A.1 Contoh Hasil Anates Responden 1	305
--	-----

Lampiran A.2 Contoh Anates Kesahan Bagi Responden Guru1	310
---	-----

Lampiran B.

- Hasil Keputusan Anates Bagi Kualiti Item Ujian Sumatif Subjek Pendidikan Agama Responden 1 hingga 20	311
- Hasil Keputusan Anates Bagi Kualiti Item Ujian Sumatif Subjek Pendidikan Kewarganegaraan 21 hingga 40	331
- Hasil Keputusan Anates Bagi Kualiti Item Ujian Sumatif Subjek Pendidikan Sejarah Responden 41 hingga 60	351

Lampiran C Data Ujian Sumatif Yang Dibangunkan Guru	371
---	-----

Lampiran D

Lampiran D.1 Instrumen Soal Selidik	377
-------------------------------------	-----

Lampiran D.2 Instrumen Temubual	384
---------------------------------	-----

Lampiran E Cetakan SPSS Data Analisis Berkaitan	387
---	-----



**SENARAI JADUAL**

JADUAL	Halaman
3.1 Latarbelakang Responden Kajian	132
3.2 Analisis Data Kajian	162
3.3 Koefisien Kesahan Item	164
3.4 Koefisien Kebolehpercayaan Ujian	165
3.5 Indeks Diskriminasi Item	166
3.6 Aras Kesukaran Item	167
3.7 Keberkesanan Pengganggu	167
3.8 Penilaian Terhadap Kualiti Kajian	168
4.1 Taburan Responden Kajian	175
4.2 Contoh Hasil Anates Bagi Korelasi Item-Total Untuk Guru 1	179
4.3 Ringkasan Hasil Keputusan Anates Bagi Item Valid Pendidikan Agama Untuk 20 Orang Guru	181
4.4 Ringkasan Hasil Keputusan Anates Bagi Kebolehpercayaan Ujian Pendidikan Agama Untuk 20 Orang Guru	184
4.5 Ringkasan Hasil Keputusan Anates Bagi Indeks Kesukaran Pendidikan Agama Untuk 20 Orang Guru	185
4.6 Ringkasan Hasil Keputusan Anates Bagi Indeks Diskriminasi Pendidikan Agama Untuk 20 Orang Guru	188
4.7 Ringkasan Hasil Keputusan Anates Bagi Indeks Pengganggu Pendidikan Agama Untuk 20 Orang Guru	190
4.8 Contoh Pengganggu yang Berfungsi Baik Subjek Pendidikan Agama (R1)	191
4.9 Rumusan Hasil Keputusan Anates Bagi Kualiti Ujian Sumatif Pendidikan Agama	194
4.10 Contoh Hasil Anates Bagi Korelasi Item- Total Untuk Guru 21	195
4.11 Ringkasan Hasil Keputusan Anates Bagi Item Valid	



Pendidikan Kewarganegaraan Untuk 20 Orang Guru	198
4.12 Ringkasan Hasil Keputusan Anates Bagi Kebolehpercayaan Pendidikan Kewarganegaraan Untuk 20 Orang Guru	200
4.13 Ringkasan Hasil Keputusan Anates Bagi Indeks Kesukaran Pendidikan Kewarganegaraan Untuk 20 Orang Guru	202
4.14 Ringkasan Hasil Keputusan Anates Bagi Indeks Diskriminasi Pendidikan Kewarganegaraan Untuk 20 Orang Guru	204
4.15 Ringkasan Hasil Keputusan Anates Bagi Indeks Pengganggu Pendidikan Kewarganegaraan Untuk 20 Orang Guru	206
4.16 Rumusan Hasil Keputusan Anates Bagi Kualiti Ujian Sumatif Pendidikan Kewarganegaraan	210
4.17 Contoh Hasil Anates Bagi Korelasi Item-Total Untuk Guru 41	211
4.18 Ringkasan Hasil Keputusan Anates Bagi Item Valid Pendidikan Sejarah Untuk 20 Orang Guru	214
4.19 Ringkasan Hasil Keputusan Anates Bagi Kebolehpercayaan Pendidikan Sejarah Untuk 20 Orang Guru	216
4.20 Ringkasan Hasil Keputusan Anates Bagi Indeks Kesukaran Pendidikan Sejarah Untuk 20 Orang Guru	218
4.21 Ringkasan Hasil Keputusan Anates Bagi Indeks Diskriminasi Pendidikan Sejarah Untuk 20 Orang Guru	220
4.22 Ringkasan Hasil Keputusan Anates Bagi Indeks Pengganggu Pendidikan Sejarah Untuk 20 Orang Guru	221
4.23 Rumusan Hasil Keputusan Anates Bagi Kualiti Ujian Sumatif Pendidikan Sejarah	225
4.24 Ujian Sumatif Buatan Guru yang Cemerlang dan Baik	226
4.25 Keputusan Analisis Regresi Berganda	233
4.26 Pengalaman Guru Membuat Ujian	235
4.27 Latihan Perkhidmatan Berkaitan Kurikulum dan Pentaksiran	238
4.28 Pertimbangan Utama Guru Menyediakan Ujian	240
4.29 Kekangan Guru Menyediakan Ujian	241
4.30 Usaha Guru Mengatasi Kekangan	242



SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
1.1 Kerangka Konsep Kajian	21
2.1 Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Hasil Belajar	103
2.2 Hubungan Pembelajaran, Tujuan Pengajaran dan Penilaian	106
2.3 Proses Belajar Sebagai Kerangka Analisis Studi Kualiti dan Mutu Hasil Belajar	119
4.1 Histogram Kualiti Ujian Sumatif Yang Dibangunkan Guru	227
4.2 Histogram Ujian Andaian Normaliti	230





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



Ujian merupakan satu instrumen penting yang digunakan untuk menilai prestasi pelajar dan keberkesanan pengajaran guru, selain daripada membantu mengesan kekuatan dan kelemahan pelajar serta menilai proses pembelajaran supaya pelajar dan guru dapat menentukan tindakan susulan yang seharusnya diambil (Mardapi, 2004).

Ujian yang berkualiti memainkan peranan penting dalam meningkatkan keberkesanan program pembelajaran di sekolah. Menurut (Mardapi, 2004) pengujian merupakan bahagian yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ujian boleh dilakukan di awal pembelajaran untuk guru mengetahui pengalaman atau pembelajaran lampau atau sedia ada pelajar dan seterusnya di akhir pembelajaran sebagai satu cara untuk menilai sejauh mana



keberkesanan pembelajaran untuk tujuan memperbaiki kelemahan aspek-aspek pembelajaran tertentu.

Terdapat dua jenis penilaian yang biasa dilakukan di sesebuah institusi pendidikan dalam mengukur tahap kemajuan pencapaian pelajar iaitu melalui ujian penilaian berterusan semasa proses pembelajaran (penilaian formatif) dan ujian penilaian di akhir sesuatu topik, semester atau program (penilaian sumatif).

Penilaian yang dibuat sama ada di peringkat kelas mahupun sekolah, sangat perlu untuk mengetahui sejauhmana tahap pengetahuan, kemahiran, keterampilan, sikap dan minat pelajar. Oleh kerana ujian adalah alat untuk mendapatkan maklumat tentang perilaku dan kebolehan individu, maka dalam pembinaan ujian banyak perkara yang harus dipertimbangkan sebagai garis panduan agar ujian mempunyai kualiti yang baik. (Azwar, 2005)

Mengikut (Azwar, 2005), terdapat dua jenis ujian sumatif untuk menilai pencapaian pelajar di Indonesia iaitu, Ujian Nasional (UN) atau ujian standard yang dibuat oleh jawatankuasa pusat dan Ujian Akhir Sekolah (UAS) yang dibangunkan oleh guru untuk kelulusan pelajar pada peringkat sekolah rendah (sekolah dasar atau SD), sekolah menengah rendah (sekolah menengah pertama atau SMP) dan sekolah menengah atas (SMA).

Peratus pemberatan untuk lulus Ujian Nasional (UN) adalah 60 peratus, manakala UAS pula menyumbang 40 peratus bagi kelulusan di peringkat



sekolah dasar hingga sekolah menengah atas. Penilaian pencapaian pelajar bagi setiap mata pelajaran di Indonesia disediakan oleh guru berdasarkan kerangka ujian yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Pendidikan Nasional (Azwar, 2005).

Ujian Nasional (UN) adalah penilaian pencapaian pelajar oleh kumpulan pakar atau pegawai pusat dari Kementerian Pendidikan Nasional yang bertujuan untuk menilai pencapaian pelajar di seluruh Indonesia bagi mata pelajaran tertentu, iaitu dalam bidang ilmu pengetahuan dan teknologi. (Prosedur Operasi Standard UN SMA berdasarkan Peraturan BSNP Tahun 2007).

Pelaksanaan Ujian Nasional (UN) dilakukan mengikut prosedur yang ditetapkan dalam Prosedur Operasi Standard (POS), yang disediakan oleh Badan Standard Nasional Pendidikan (BSNP) dengan kerjasama jawatankuasa di peringkat provinsi untuk melaksanakan ujian nasional.

Hasil Ujian Nasional (UN) diserahkan kepada unit pendidikan di sekolah untuk dijadikan salah satu syarat kelulusan pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat pendidikan yang lebih tinggi. Hasil keputusan ujian yang diperoleh ini juga, digunakan oleh unit pendidikan untuk mempertingkatkan kualiti dan memperbaiki kelemahan program pendidikan. (Prosedur Operasi Standard UN SMA berdasarkan Peraturan BSNP Tahun 2007).

Pentaksiran berasaskan sekolah atau Ujian Akhir Sekolah (UAS) ialah penilaian yang dilakukan oleh guru untuk mengukur pencapaian pelajar





berbanding standard kualiti yang ditetapkan. Pentaksiran ini disediakan dan ditadbir oleh guru. Data atau maklumat yang diperolehi sangat berguna bagi sekolah untuk menentukan pencapaian pelajar dan seterusnya menentukan kelulusan di peringkat Sekolah Dasar hingga Sekolah Menengah.

Namun demikian, banyak kritikan dan kekangan yang sering diutarakan terhadap ujian akhir sekolah, baik oleh kumpulan pakar mahupun ahli pendidikan (Arikunto, 2005). Jika diperhatikan dengan teliti, sememangnya terdapat beberapa masalah yang melibatkan guru dalam bidang pengujian dan penilaian pendidikan yang dihadapi pada ketika ini.

Ujian yang berkualiti perlulah mempunyai ciri-ciri psikometrik yang baik seperti kesahan dan kebolehpercayaan supaya keputusan serta tindakan yang tepat dan berkesan dapat diambil. Ujian bilik darjah yang digunakan selama ini mungkin diragui kesahannya disebabkan sebilangan guru yang kurang mahir dalam pembinaan ujian. Pembinaan ujian yang dijalankan mungkin tidak mengikut prosedur pengukuran yang betul. (Arikunto, 2005).

Tambahan pula, bukti tentang kesahan ujian yang digunakan di sekolah juga agak kurang. Ujian yang dijalankan pada akhir semester atau pada penghujung tahun juga tidak memberi peluang untuk guru mengambil tindakan.

Selain itu, skala bagi skor ujian dan skor item yang dihasilkan untuk sesuatu ujian juga ada kalanya tidak selaras dengan ujian-ujian yang lain untuk membandingkan tahap kebolehan pelajar. Hasil ujian tidak dapat memberikan





maklumat tentang prestasi yang sudah dicapai dan belum dicapai oleh seseorang pelajar. (Arikunto, 2005).

Berkenaan dengan penyediaan dan pentadbiran ujian akhir sekolah. Ada kalanya guru bertukar ke sekolah lain dan soalan disediakan oleh guru baru yang kurang memiliki kemahiran pedagogi dan penilaian prestasi pelajar.

Jawatankuasa ujian sekolah yang diwakili oleh guru-guru mata pelajaran biasanya dibentuk pada setiap awal tahun persekolahan. Jawatankuasa ini menentukan kerangka ujian sekolah, sebagai garis panduan untuk menyediakan ujian akhir sekolah. Seterusnya sekolah melakukan aktiviti penyediaan item-item ujian untuk menghasilkan soalan ujian, sebelum diperbanyakkan dan

digunakan.



Pendapat (Sudijono, 2008), guru yang berpengalaman umumnya dapat menyediakan soalan-soalan ujian yang lebih berkualiti. Guru yang kerap membuat ujian formatif juga berkemungkinan mempunyai kemahiran yang lebih baik untuk menyediakan ujian sumatif yang berkualiti bagi mengukur pencapaian pelajar.

Kualiti ujian yang digunakan juga mempengaruhi ketepatan pengukuran pencapaian pelajar. Peranan guru sebagai individu yang membuat ujian sangat penting. Jika guru mampu membina ujian formatif dengan baik dalam proses pembelajaran, guru dijangka tidak mempunyai masalah besar ketika menyediakan ujian akhir sekolah atau ujian sumatif.(Sudijono, 2008).





Beberapa kritikan yang diketengahkan tentang ujian termasuklah prosedur ujian objektif yang tidak menguji penguasaan kemahiran pelajar yang sebenar (Sukardi, 2008). Selain itu, keperluan sistem pentaksiran masa kini yang tidak hanya mengukur aspek perkembangan kognitif sahaja.

Mengatakan (Sukardi, 2008) bahawa bentuk ujian yang banyak digunakan guru dalam ujian sumatif adalah bentuk ujian objektif aneka pilihan. Penggunaan ujian objektif dalam mengukur kebolehan pelajar hanya akan menggalakkan bimbingan menduduki ujian melalui pusat-pusat tuisyen dan mengurangkan keupayaan pelajar, kerana pelajar hanya perlu memilih alternatif jawapan yang terbaik.



Dalam pembinaan ujian, banyak perkara yang harus dipertimbangkan dan dijadikan panduan agar ujian yang mempunyai kualiti yang baik. Beberapa ciri ujian yang baik menurut (Ebel, 2007) antara lain mestilah relevan, spesifik, seimbang, dan mempunyai keobjektifan, kecekapan, kesamaan peluang, aras kesukaran, indeks diskriminasi, dan reliabiliti (kebolehpercayaan) yang sesuai.

Berdasarkan permasalahan yang dikemukakan tersebut, pengetahuan dan latarbelakang guru sangat penting dalam membina ujian yang berkualiti. Ujian yang berkualiti menjadi alat yang sah dan boleh dipercayai untuk mengukur pencapaian pelajar. Dalam hal ini, ramai guru merasakan latihan untuk membangunkan pembelajaran yang berkualiti sangat perlu diberikan, khususnya yang berkaitan dengan pembuatan ujian (Sukardi, 2008).



Selain itu, kualiti ujian sumatif yang dibina oleh guru banyak dipengaruhi oleh faktor-faktor yang terdapat dalam diri guru itu sendiri di samping faktor luaran. Faktor-faktor dalaman diri guru yang mempengaruhi kualiti ujian sumatif yang dihasilkan termasuklah latarbelakang guru seperti latar belakang kognitif, afektif dan sosio-ekonomi guru (Anastasi, 2007). Antara faktor latarbelakang guru yang dirasakan penting untuk dikaji termasuklah kekerapan menyedia dan mentadbir ujian sumatif, berupa pendidikan tertinggi guru, pengalaman mengajar, kekerapan membuat ujian, dan latihan dalam perkhidmatan yang diterima guru tiga tahun terakhir.

1.2 Pernyataan Masalah

Kualiti ujian yang dibangunkan guru menunjukkan bahawa terdapat suatu latar belakang yang menjadi dasar adanya suatu kriteria penilaian yang jelas oleh guru, konsistensi antara tujuan, penugasan dan kriteria oleh guru, serta kesahan dan kebolehan terhadap praktek penilaian guru. Praktek penilaian oleh guru dapat menggambarkan bagaimana kriteria kualiti profesion keguruan. Kriteria kualiti profesion ini sangat menentukan usaha guru dalam memperbaiki penilaian formatif dan penilaian sumatif yang dibinanya, dapatan hasil kajian, (Stokking, Schaaf et al. 2004).

Dalam sistem pendidikan di Indonesia, pencapaian kelulusan pelajar ditentukan melalui dua jenis penilaian iaitu, Ujian Nasional (UN) dan Ujian Akhir Sekolah (UAS). Ujian Nasional (UN) atau ujian standard dibuat oleh



jawatankuasa Pendidikan Nasional manakala Ujian Akhir Sekolah (UAS) dibina oleh guru untuk menentukan kelulusan pelajar pada peringkat Sekolah Dasar, Sekolah Menengah Pertama dan Sekolah Menengah Atas.

Kualiti ujian yang baik akan tercapai sekiranya guru komited dalam mengembangkan kebolehan, keterampilan, kesungguhan, serta daya kreativiti dalam amalan pentaksiran, melalui latihan serta pengalaman.

Ujian yang dibina guru ini disediakan berdasarkan kerangka ujian yang dibuat oleh jawatan pendidikan provinsi bagi sekolah masing-masing pada peringkat sekolah dasar hingga sekolah menengah atas. Kerangka ujian tersebut merupakan garis panduan yang harus diikuti dalam menyediakan ujian, yang menggariskan taburan item ujian yang merangkumi indeks kesukaran (mudah, sederhana dan sukar), aras kemampuan kognitif serta borang ujian. (Prosedur Operasi Standard UN SMA berdasarkan Peraturan BSNP Tahun 2007).

Masalah pertama, ujian dan penilaian pendidikan yang dibangunkan oleh guru secara umumnya kurang mempunyai pengetahuan serta keterampilan dalam bidang pentaksiran dan pengukuran. Oleh itu, jika pentaksiran yang dilakukan oleh guru yang tidak terlatih, maka tidak hairan jika kualiti ujian juga rendah (Arikunto, 2005). Ada kalanya pula pentafsiran terhadap hasil ujian mengelirukan sehingga menghasilkan dasar atau keputusan yang kurang tepat.

Masalah kedua, adalah berkenaan dengan penyediaan dan pentadbiran ujian akhir sekolah. Ada kalanya guru bertukar ke sekolah lain dan soalan disediakan





oleh guru baru yang kurang memiliki kemahiran pedagogi dan penilaian prestasi pelajar. Guru yang berpengalaman umumnya dapat menyediakan soalan-soalan ujian yang lebih berkualiti. Guru yang kerap membuat ujian formatif juga berkemungkinan mempunyai kemahiran yang lebih baik untuk menyediakan ujian sumatif yang berkualiti bagi mengukur pencapaian pelajar,(Sudijono, 2008).

kebolehan pelajar. Keputusan yang baik adalah berasaskan maklumat yang relevan dan tepat. Tanggungjawab mengumpul dan menyampaikan maklumat terletak kepada pendidik.

Masalah ke tiga ialah, kualiti ujian yang digunakan juga mempengaruhi ketepatan pengukuran pencapaian pelajar. Oleh itu, peranan guru sebagai individu yang membuat ujian sangat penting sekali. Jika guru mampu membina ujian formatif dengan baik dalam proses pembelajaran, guru dijangka tidak mempunyai masalah besar ketika menyediakan ujian akhir sekolah atau ujian sumatif.

Yang menjadi persoalan ialah sama ada ujian yang dibangunkan guru SMA di Palembang ini menepati kerangka kandungan ujian yang ditentukan, sama ada taburan item ujian sudah meliputi keseluruhan kandungan pelajaran yang dilaksanakan, dan sama ada item-item ujian oleh guru benar-benar berkualiti. Begitu juga tidak banyak maklumat diketahui tentang bagaimana guru menyediakan soalan-soalan ujian sama ada guru mengambil soalan dari bank





soalan atau daripada buku rujukan yang ada, atau adakah guru menyedia sendiri soalan-soalan tersebut.

Kesemua persoalan ini memerlukan jawapan supaya keberkesanan pelaksanaan UAS itu dapat dipertahankan. Selain itu, dalam menghasilkan ujian yang berkualiti, guru banyak dipengaruhi oleh faktor-faktor yang terdapat dalam diri mereka. Faktor-faktor yang mempengaruhi kualiti ujian guru serta kekangan yang dihadapi guru dalam menyediakan ujian tersebut, juga perlu dikaji untuk memantapkan kajian kualiti ujian yang dibina guru.

Oleh itu, satu kajian perlu dijalankan untuk menilai kualiti ujian sumatif yang dibangunkan guru di Sekolah Menengah Atas (SMA) di Palembang, Indonesia.



Maklumat kualiti ujian sumatif yang dibangunkan guru yang representatif diharapkan dapat menjawab kritikan yang ditujukan terhadap ujian yang digunakan di sekolah sebagai pengukur prestasi pelajar untuk kelulusan di Sekolah Menengah Atas, baik di Palembang mahupun seluruh wilayah Indonesia.

1.3 Objektif Kajian

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk menilai kualiti ujian sumatif UASa yang dibangunkan guru Sekolah Menengah Atas (SMA) di Palembang. Secara spesifiknya kajian bertujuan untuk:

- i. menilai kualiti ujian sumatif, Ujian Akhir Sekolah (UAS) berbentuk objektif aneka pilihan yang dibangunkan guru berdasarkan;



- a. kesahan (item yang valid),
- b. kebolehppercayaan ujian,
- c. aras kesukaran item,
- d. indeks diskriminasi item,
- e. keberkesanan pengganggu.

bagi subjek Pendidikan Agama, Pendidikan Kewarganegaraan, dan Pendidikan Sejarah.

- ii. menilai sejauhmana hubungan antara kualiti ujian sumatif UAS dengan latarbelakang guru meliputi pendidikan tertinggi, pengalaman mengajar, kekerapan membuat ujian, serta latihan dalam perkhidmatan yang diterima guru dalam tiga tahun terakhir mengajar.

- iii. mengenalpasti apakah kekangan yang dihadapi guru dalam menyediakan dan mentadbir ujian sekolah.

1.4 Soalan Kajian

Kajian ini juga bertujuan untuk menjawab persoalan tentang kualiti ujian sumatif yang dibangunkan guru SMA di Palembang. Secara spesifik, kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan-soalan berikut:

- i. Sejauhmana atau setakat mana kualiti ujian sumatif UAS berbentuk objektif aneka pilihan bagi subjek Pendidikan Agama, Pendidikan Kewarganegaraan dan Pendidikan Sejarah di SMA berdasarkan;



- a) kesahan (item yang valid),
- b) kebolehppercayaan ujian,
- c) aras kesukaran item,
- d) indeks diskriminasi item,
- e) keberkesanan pengganggu.

ii. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kualiti ujian sumatif yang dibangunkan guru dengan latarbelakang guru meliputi pendidikan tertinggi, pengalaman mengajar, kekerapan membuat ujian, dan latihan dalam perkhidmatan yang diterima guru?

iii. Apakah kekangan yang dihadapi guru dalam menyedia dan mentadbirkan ujian di sekolah?



1.4 Hipotesis Kajian

Berdasarkan soalan kajian 2, hipotesis awal telah dibuat seperti berikut:

- Ha.1 Terdapat hubungan signifikan antara pendidikan tertinggi guru dan kualiti ujian sumatif yang dibangunkan guru
- Ha.2 Terdapat hubungan signifikan antara pengalaman mengajar dan kualiti ujian sumatif yang dibangunkan guru.
- Ha. 3 Terdapat hubungan signifikan antara kekerapan membuat ujian dan kualiti ujian sumatif yang dibangunkan guru
- Ha.4 Terdapat hubungan signifikan antara latihan dalam perkhidmatan yang diterima guru dan kualiti ujian sumatif yang dibangunkan guru.



1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan memberi maklumat yang berguna bagi badan-badan pembentukan ujian yang mengawal kualiti ujian semua peringkat, sama ada peringkat sekolah, wilayah atau seluruh negara. Dengan ini, diharapkan guru mendapat bimbingan dalam menyediakan ujian yang berkualiti.

Hasil kajian ini diharapkan dapat menjadi bahan rujukan bagi menilai kualiti ujian yang dibangunkan guru pada masa hadapan untuk mata pelajaran lain pada peringkat Sekolah Rendah, Sekolah Menengah Rendah, dan Sekolah Menengah Atas di kawasan lain.

Diharapkan model penilaian pentaksiran kualiti ujian ini dapat digeneralisasikan ke wilayah lain di Sumatera Selatan khususnya dan Indonesia pada umumnya dengan mempertimbangkan ciri-ciri bagi wilayah masing-masing.

Lebih penting lagi, ujian yang dibangunkan guru sebagai alat pengukur prestasi pelajar merupakan petunjuk kepada pengetahuan dan kemampuan guru dalam mengendalikan proses pembelajaran di sekolah. Dengan mengetahui kualiti ujian yang dibinanya sendiri, maka guru akan merasa berminat, bermotivasi dan tercabar untuk memperbaiki kemahiran mereka dalam membuat ujian.

Hasil kajian ini juga diharapkan menjadi maklumat yang bermanfaat bagi Kementerian Pendidikan Nasional khususnya Jawatankuasa Bandar Palembang



serta Jawatankuasa Provinsi Sumatera Selatan dalam mempertingkatkan kemahiran guru membina soalan ujian yang berkualiti tinggi. Ini kerana ujian yang berkualiti mampu memberikan tafsiran yang tepat terhadap pencapaian pelajar.

Maklumat daripada hasil kajian ini boleh dijadikan panduan yang berguna dalam melaksanakan ujian sumatif UAS, dan memberi peluang kepada guru untuk membangunkan sendiri ujian sumatif yang berkualiti untuk pensijilan pelajar pada tahap Sekolah Rendah, Sekolah Menengah Rendah, dan Sekolah Menengah Atas.

1.7 Batasan Kajian



Dengan mempertimbangkan kemampuan penyelidik, tempoh masa dan skop kajian ini, maka penyelidik membataskan kajian ini kepada perkara- perkara seperti berikut:

Pertama, penilaian kualiti ujian dalam kajian ini adalah merujuk kepada ujian sumatif berasaskan sekolah (UAS) yang dibangunkan guru Sekolah Menengah Atas (SMA) di Palembang sahaja.

Kedua, kualiti ujian sumatif dalam kajian adalah terbatas kepada SMA jurusan Ilmu Pengetahuan Alam (IPA) dan untuk jurusan Ilmu Pengetahuan Sosial (IPS) dalam subjek pelajaran Pendidikan Agama, Pendidikan Kewarganegaraan, Pendidikan Sejarah bagi, kelas XII (gred 12) di Palembang.

